



06 APR, 2026

THT idam mula langkah kanan pada 11 April ini

Harijan Metro, Malaysia



THT idam mula langkah kanan pada 11 April ini

Kuala Terengganu: Juara 'treble' Liga Hoki Malaysia (MHL) musim lalu, Pasukan Hoki Terengganu (THT) mengidam untuk memulakan langkah kanan dengan memburu Piala Sumbangsih pada 11 April ini.

Presiden Persatuan Hoki Terengganu (PHT) Mohd Fikri Harun berkata, skuad bimbingan Mohd Harfizi Baharom sudah bersedia sepenuhnya bagi memastikan gelaran itu menjadi milik pasukannya.

Bagaimanapun jelas Mohd Fikri, impian itu tidak semudah perancangan di kertas kerana bakal berdepan dengan bekas juara, Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang pasti mahu merampas semula gelaran berkenaan.

"Beraksi di tempat sendiri pada sebelah petang di Stadium Hoki MBKT, Batu Buruk sudah pasti memberikan kelebihan kepada kami untuk mengekalkan kejuaraan itu sebagaimana musim lalu.

"Tambahan pula sudah pasti ribuan peminat setia bakal hadir memberikan

sokongan padu kepada THT kerana pertarungan itu bukan sekadar perlawanan maruah, tetapi kami idam untuk mengutip tiga mata pertama liga, sekali gus sebagai permulaan yang baik buat pasukan.

"Namun saya ingatkan kepada pemain usah terlalu yakin kerana lawan sudah pasti mengidam kejayaan sama lebih-lebih lagi mereka tewas kepada kami pada aksi musim lalu tanpa sebarang kejuaraan," katanya.

Pada aksi musim lalu, THT yang ketinggalan dengan satu jaringan melalui pemain import TNB, Jang Jong Hyun bangkit dengan dua jaringan menerusi Faizal Saari dan Tengku Ahmad Tajuddin Tengku Abdul Jalil untuk melakar kemenangan 2-1 sebelum merangkul gelaran Piala Sumbangsih.

Selain itu THT menyapu bersih dua lagi kejuaraan iaitu Piala Liga MHL dan Piala TNB dengan mensewakan pasukan yang sama di bawah kendalian Mohd Harfizi.